
Katanya, setelah senarai itu diterima dan rundingan diadakan, nama calon BN itu akan ditentukan.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan Selasa, 16 Januari ini sebagai tarikh penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu, manakala pengundian pada Ahad, 28 Januari bagi mengisi kekosongan berikutan kematian Datuk Tengku Paris Tengku Razlan pada 27 Disember lalu kerana barah paru-paru dan usus.

Baru-baru ini, Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob, dilaporkan berkata Umno Pahang menyenarai pendek tujuh nama termasuk golongan muda dan profesional sebagai calon BN untuk dipertimbangkan Abdullah.

Difahamkan, antara tujuh calon itu ialah Datuk Mustafa Kamal (Timbalan Ketua Bahagian Raub), Datuk Azinuddin Abdul Rahim (Naib Ketua Bahagian), Tengku Abdul Rahman Tengku Perang (Ketua Pemuda), Aziz Kiram (Setiausaha bahagian) dan Datuk Abdullah Abu Bakar (Ahli Jawatankuasa bahagian dan Presiden Majlis Belia Felda Pahang).

Dua lagi nama ialah bekas Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Pahang, Datuk Johar Rusi dan Datuk Yidris Abdullah.

Sementara itu, Abdullah berkata beliau mahu penjelasan lanjut daripada Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, mengenai kenyataannya bahawa badan itu perlu distruktur semula dan undang-undang serta peraturan pilihan raya yang sudah berusia 50 tahun, dirombak secara drastik.

"Biar beliau (Abdul Rashid) memberitahu saya apa yang beliau mahu," kata Abdullah yang enggan mengulas lanjut.

Kelmarin, Abdul Rashid berkata kajian semula itu bertujuan menjadikan SPR dan proses pilihan raya yang sering dikritik pelbagai pihak, menjadi lebih telus, adil dan saksama.

**Tajuk Artikel: Isu dedah kutipan tol ke Kabinet**  
**Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 10 Januari 2007 – Rabu**  
**Oleh Seri Intan Othman di New Delhi**

PERSETUJUAN Kabinet diperlukan terlebih dulu sebelum syarikat konsesi lebuhraya boleh mendedahkan perolehan kutipan tol dan jumlah kenderaan yang menggunakan lebuhraya mereka, kata Menteri Kerjaraya Datuk Seri S Samy Vellu.

Beliau berkata, ketika ini butiran terperinci termasuk perolehan pemegang konsesi dimaklumkan kepada kerajaan oleh syarikat terbabit.

"Saya akan bawa perkara itu kepada Kabinet sama ada kita boleh membenarkan pemegang konsesi lebuhraya mendedahkan jumlah dan angka itu. Jika Kabinet bersetuju, kita minta syarikat terbabit mengeluarkan butirannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerja pada persidangan Pravasi Bharativa Divas Kelima, iaitu perhimpunan masyarakat keturunan India berasal dari negara itu yang tinggal di luar negara. Persidangan tiga hari itu yang berakhir semalam dihadiri kira-kira 1,200 delegasi dari 50 negara seluruh dunia.

Samy Vellu mengetuai delegasi Malaysia seramai 120 orang termasuk pemimpin MIC, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli perniagaan ke persidangan tahunan itu.

Beliau diminta mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kelmarin yang meminta syarikat konsesi lebuhraya menyatakan butiran jumlah kutipan tol mereka kepada umum bagi memuaskan hati orang ramai berhubung kenaikan kadar tol di lebuhraya.

Kerajaan membenarkan lima syarikat konsesi di sekitar Lembah Klang menaikkan kadar tol antara 30 dan 70 peratus mulai 1 Januari lalu.

Mengulas lanjut, Samy Vellu berkata, ketika ini syarikat konsesi mendedahkan butiran perolehan kutipan kepada pemilik saham selain mempertikaikan dakwaan pembangkang yang mendakwa mempunyai maklumat butiran itu.

"Jika benar (mereka miliki) beritahu butiran terperinci mengenainya kerana ia boleh dipertikaikan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan mendapatkan maklum balas Peguam Negara untuk memastikan sama ada butiran itu sulit atau sebaliknya.

"Jika ia fail sulit, tindakan undang-undang wajar diambil terhadap pembangkang terbabit," katanya.

Mengenai kenaikan tol yang masih menjadi isu, Samy Vellu berkata, perkara itu sudah diputuskan Kabinet selain termaktub dalam perjanjian dengan syarikat konsesi.

"Jika kita tidak menaikkan kadar tol, kerajaan terpaksa membayar sejumlah besar wang kepada syarikat konsesi terbabit dan juga wang rakyat, jadi perkara ini tidak sepatutnya dijadikan isu lagi," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Malaysia meminta India memberi kelonggaran kelulusan bagi projek yang hendak dilaksanakan.

Katanya, ketika ini syarikat yang mendapat kelulusan pembiayaan kewangan bank Malaysia bagi projek yang akan dikendalikan di India, perlu mendapat kelulusan di India.

Samy Vellu juga mencadangkan Kerajaan India hanya membenarkan lima atau enam syarikat layak dari segi kewangan dan kepakaran mengemukakan tender bagi projek penting.

**Tajuk Artikel: Kampung haram di Putrajaya**

**Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 10 Januari 2007 – Rabu**

**Oleh Haika Khazi**

Pendatang asing bina 'rumah kotak' dekat kuarters kakitangan awam di Presint 11 jejas imej pusat pentadbiran kerajaan



**BIMBANG:** Kehadiran kumpulan pendatang tanpa izin dikatakan menimbulkan kebimbangan kadar jenayah terutama kes pecah rumah, samun dan curi kabel.

**PUTRAJAYA:** Sikap pihak berkuasa memandang ringan aduan penduduk dan kurang pengawasan dikatakan menjadi antara punca 'pertumbuhan pesat' perkampungan haram warga asing di kawasan pinggir Putrajaya termasuk terbaru yang dikesan terletak hanya 200 meter daripada kawasan perumahan dan kuarters kakitangan kerajaan di Presint 11, dekat sini.

Penduduk mendakwa, pernah beberapa kali mengadu kepada Perbadanan Putrajaya dan polis berhubung tindakan pendatang asing menceroboh tanah di kawasan terbabit, namun sehingga hari ini dipercayai tiada tindakan berkesan diambil.

Tinjauan Berita Harian, ke lokasi perkampungan haram terbabit mendapati kebanyakan rumah 'kotak' di kawasan itu dibina menggunakan kepingan papan lapis dan beratapkan zink atau kanvas.

Kehadiran kumpulan pendatang tanpa izin berkenaan dikatakan bukan saja menimbulkan kebimbangan mengenai peningkatan kadar jenayah terutama kes pecah rumah, samun dan curi kabel, malah tindakan

segelintir mereka mencerooboh landasan kereta api ERL berhampiran untuk ke tempat kerja di Putrajaya mungkin boleh mengakibatkan masalah lebih serius.



**TERCEMAR:Penempatan haram pendatang menjejaskan imej Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan 'Bandar Selamat'.**

Berdasarkan pemerhatian didapati, lebih 100 warga asing dipercayai dari Indonesia dan Myanmar mendiami perkampungan haram itu yang mempunyai kira-kira 20 unit rumah yang dibina secara berselerak di sebalik bukit di situ bagi memudahkan mereka menyembunyikan diri jika pihak berkuasa melakukan operasi.

Pengerusi Persatuan Penduduk Presint 11, Carlos Najmul Basri, berkata warga asing berkenaan dipercayai memilih untuk mendiami kawasan itu kerana ia terletak berhampiran tempat kerja mereka iaitu di tapak pembinaan di Presint 11 dan projek perumahan di seberang jalan utama dari Seri Kembangan ke Puchong dan Cyberjaya.

"Sebagai wakil penduduk, saya berasa pelik dengan sikap pihak yang berkaitan kerana seolah-olah 'menutup mata dan telinga' dengan membiarkan kawasan terbabit terus menerus dicerooboh kumpulan pendatang tanpa izin, sejak lebih setahun lalu.

"Jika anda tinggal di sini pasti anda boleh melihat setiap hari ada pihak berkuasa meronda ke kawasan terbabit dengan menggunakan motosikal dan kereta tetapi apa yang menghairankan saya, sehingga hari ini tiada operasi dilakukan.

"Saya juga tidak menolak kemungkinan bahawa peningkatan kadar jenayah di Putrajaya terutama kes pecah rumah, samun dan kecurian harta benda termasuk kabel elektrik ada kaitannya dengan perkampungan haram pendatang terbabit," katanya sewaktu ditemui.

Berikutan itu, Carlos Najmul, berkata pihaknya merayu supaya pihak berkuasa terutama polis, Jabatan Imigresen dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) segera menggempur kawasan perkampungan haram berkenaan bagi memastikan keselamatan penduduk Putrajaya yang majoritinya adalah kakitangan kerajaan sentiasa terjamin dan aman daripada ancaman jenayah.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Putrajaya, Superintendan Mohd Khalil Kader Mohd, berkata pihaknya akan melancarkan operasi besar-besaran dengan kerjasama Rela bagi menggempur perkampungan haram kumpulan pendatang tanpa izin di sekitar daerah ini, dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, pihaknya memandang serius masalah berkenaan kerana bukan saja membabitkan keselamatan nyawa dan harta benda penduduk di daerah ini, tetapi jika dibiarkan ia boleh menjejaskan imej Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan 'Bandar Selamat'.

**Tajuk Artikel: SJMC, Stryker anjur forum sakit sendi**  
**Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 10 Januari 2007 – Rabu**

SUBANG JAYA: Degenerative Joint Disease atau Penyakit Sendi Rapuh adalah penyakit yang mengakibatkan penghidapnya berasa sakit di bahagian sendi lutut dan pinggul serta menyebabkan pergerakan terbatas.

Individu yang menghidapnya bukan saja berasa badan mereka lebih berat, malah mendapati sendi lutut dan pinggul sakit apabila digerakkan.

Di Malaysia, kadar penghidap penyakit itu yang mendapatkan rawatan adalah rendah dan ia membimbangkan.

Penyakit itu bukan hanya dihidapi golongan tua, malah orang muda yang berlebihan berat badan atau obesiti.

Atas kesedaran memberi pengetahuan kepada orang ramai mengenai penyakit itu dan kaedah perubatan yang ada bagi mengatasinya, satu forum umum, 'Enriching Lives' Public Forum diadakan di Subang Jaya Medical Centre (SJMC), baru-baru ini.

Acara anjuran SJMC dan Stryker Malaysia Corporation (Stryker) itu juga bertujuan memberi kesedaran kepada penghidapnya bahawa penyakit itu serius dan perlu dirawat bagi menjamin kesihatan diri.

Pakar Bedah Ortopedik dan Artroplasti, Dr Lee Chong Meng, berkata ramai penghidap penyakit itu tidak tahu mengenai kaedah perubatan yang ada untuk merawatnya.

"Penyakit sendi rapuh boleh menyerang sesiapa saja dan ia menyebabkan penghidapnya merasa tidak selesa selain melemahkan badan," katanya.

Pada forum itu, Dr Lee menunjukkan produk Stryker, Stryker 'computer-aided navigation system' yang direka bagi merawat penyakit itu.

Menurut Dr Lee, ia digunakan bagi merawat sendi bahagian lutut dan pinggul dan dianggap kaedah yang ringkas, selamat dan berkesan.

**Tajuk Artikel: PM: Institut Kanser Negara penuhi keperluan rakyat**  
**Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 10 Januari 2007 – Rabu**  
**Oleh Habibah Omar dan Helmi Mohd. Foad**

PUTRAJAYA 9 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Institut Kanser Negara yang akan dibina di sini dirancang pembinaannya bagi memenuhi keperluan kesihatan rakyat negara ini.

Menurut Perdana Menteri, jumlah penghidap kanser adalah ramai dan penubuhan institut itu merupakan antara langkah kerajaan menyediakan rawatan kepada penghidap kanser.

"Kerajaan mesti mendapatkan kemudahan dan peralatan yang diperlukan selain doktor-doktor yang ada kepakaran dalam bidang rawatan kanser.

"Semua itu mesti dirancang dengan baik semasa bangunan di peringkat pembinaan lagi," katanya selepas upacara pecah tanah projek Institut Kanser Negara di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek.

Institut berharga RM340 juta itu yang bakal beroperasi dalam tempoh dua tahun lagi akan menjadi pusat rujukan utama penyakit kanser yang lengkap dengan 252 katil pesakit.

Ia mempunyai pelbagai kemudahan berteknologi tinggi setaraf dengan institut kanser luar negara dengan inovasi yang menitikberatkan konsep mesra pesakit dan pelawat.

Antara kemudahan yang bakal disediakan di hospital itu ialah perkhidmatan onkologi dan radioterapi, perubatan nuklear, pembedahan onkologi, rawatan paliatif dan harian.

Ditanya sama ada penubuhan institut itu mempunyai maksud yang istimewa kepadanya memandangkan isteri beliau, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood meninggal dunia pada 22 Oktober 2005 akibat kanser, Perdana Menteri berkata:

"Begitulah, tetapi ia bukan eksklusif untuk saya atau perasaan saya. Ia mengenai apa yang rakyat mahu." Penyakit kanser, katanya, hanya akan difahami sekiranya ada ahli keluarga yang menghidap kanser. Malah beliau sendiri memahaminya setelah melihat penderitaan Allahyarham Endon ketika berdepan dengan penyakit itu.

Dalam ucapannya pada majlis berkenaan, Perdana Menteri meminta supaya perancangan membina institut tersebut dibuat dengan baik kerana beliau ingin melihat pembinaannya menjadi kenyataan.

"Saya berharap pelaksanaannya menjadi elok dan tidak terbelengkalai serta tidak berlaku kelewatan kerana sebagai kerajaan berjiwa rakyat, kita akan memberikan perkhidmatan yang baik bagi membuktikan kemampuan kita.

"Projek ini dijalankan di bawah inisiatif pembiayaan swasta (PFI), jadi saya minta ia diawasi dengan rapi dan sebaik-baiknya.

"Pelaksanaannya kena diawasi oleh Kementerian Kesihatan serta Jabatan Kerja Raya (JKR)," katanya.

Abdullah berkata, doktor-doktor dan kakitangan institut itu perlu menjalani latihan sama ada di dalam atau luar negara bagi membolehkan mereka memperoleh pengalaman serta pengetahuan yang secukupnya untuk mengendalikan peralatan canggih rawatan kanser di situ kelak.

Mengenai perubatan alternatif bagi merawat kanser, Perdana Menteri memberitahu, peranan doktor tradisional yang mempunyai pengalaman perlu dilihat secara positif kerana mereka juga boleh membantu melegakan penderitaan pesakit kanser.

## **Tajuk Artikel: Kerajaan tidak boleh terus beri subsidi tol**

**Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 10 Januari 2007 – Rabu**

PUTRAJAYA 9 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tidak boleh terus memberikan subsidi bagi mengelakkan kenaikan kadar tol lebuhraya kerana langkah itu memerlukan peruntukan yang besar.

Perdana Menteri berkata, selain itu kerajaan juga perlu mengeluarkan perbelanjaan bagi subsidi dalam sektor-sektor lain.

Beliau menegaskan, kerajaan telah beberapa kali mengambil keputusan menangguhkan kenaikan tol dan ia menyebabkan kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi.

"Semua hendak subsidi, macam mana... bukan satu subsidi yang kecil. Sebelum ini kita sudah beri subsidi, kita tangguhkan kenaikan, maknanya tol tak naik tetapi kerajaan kena bayar (pampasan).

"Kita tidak upaya nak buat begitu. Kita tahu untuk kegunaan kemudahan seperti itu bayaran perlu dikenakan," kata Abdullah kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah projek Institut Kanser Negara di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, langkah kerajaan menaikkan kadar tol lebuh raya dibuat berasaskan kepada keadaan semasa meskipun dalam perjanjian dengan syarikat konsesi satu jangkaan telah dibuat terhadap jumlah peningkatan aliran trafik.

"Banyak atau tidak kereta yang akan gunakan jalan tol, semuanya dibuat pada masa itu. Apa yang jadi pada hari ini kita kena ambil kiralah.

"Kita tidak boleh nafikan situasi memerlukan kita ambil tindakan yang memerlukan kita menaikkan kadar tol," katanya.

Ditanya mengapa kerajaan perlu terus memberikan subsidi sedangkan syarikat konsesi tol lebuh raya dikatakan meraih keuntungan, Perdana Menteri berkata, kerajaan mengadakan banyak perbincangan dengan syarikat-syarikat konsesi berkenaan dan mengenal pasti terdapat perkara yang munasabah perlu dilakukan.

"Tetapi jika anda mempunyai maklumat-maklumat lain, bolehlah beritahu kami," kata Abdullah.

Mengenai dakwaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) bahawa parti itu memiliki dokumen perjanjian konsesi, Abdullah berkata, kerajaan boleh mengambil tindakan sekiranya dokumen itu diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Ditanya adakah syarikat konsesi perlu mendedahkan jumlah kutipan yang mereka peroleh kepada umum, beliau memberitahu, segala maklumat mengenainya boleh didapati kerana syarikat tersebut merupakan syarikat senaraian awam.

"Ya, kerajaan juga menerima maklumat berdasarkan pembentangan yang dibuat oleh syarikat konsesi tentang kutipan tol mereka.

"Apa yang terbukti kepada kita sebagai kerajaan ialah tol perlu dinaikkan," katanya.

### **Tajuk Artikel: Laluan ambulans sesak -- Boleh sebabkan pesakit maut ke 3 hospital di Jalan Tun Razak**

**Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 10 Januari 2007 – Rabu**

**Oleh S. ANAND KUMAR, NURUL ANUAR KARI dan ZULKIFLI MANZOR**

KUALA LUMPUR 9 Jan. – Institut Jantung Negara (IJN) mengenal pasti kesesakan teruk di Jalan Tun Razak, di sini boleh menyebabkan kematian pesakit kritikal yang dalam perjalanan ke tiga hospital utama di laluan itu.

Pengerusi IJN, Datuk Dr. Mohamad Salleh Ismail berkata, jalan tersebut yang menempatkan IJN, Hospital Pusrawi Sdn. Bhd. (Pusrawi) dan Hospital Kuala Lumpur (HKL) sepatutnya tidak mengalami kesesakan lalu lintas memandangkan ia menjadi laluan utama ambulans.

Menurutnya, pesakit yang dibawa dengan ambulans ke hospital atau dengan kenderaan sendiri boleh menemui ajal di jalan itu jika berlaku kesesakan teruk.

"Saya berharap pihak berwajib akan membuat satu pelan jangka panjang bagi memastikan kesesakan lalu lintas tidak terus berlaku di Jalan Tun Razak.

"Laluan alternatif untuk jalan ini sepatutnya diadakan untuk mengurangkan jumlah trafik dan membolehkan ambulans sampai dengan lebih cepat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara IJN dan Pusrawi, di sini hari ini.

Mohamad Salleh memberitahu, pemandu kereta di Jalan Tun Razak juga tidak dapat memberi laluan kepada ambulans jika laluan dua lorong itu menjadi sesak terutama pada waktu puncak.

Buat masa ini, Jalan Tun Razak yang mempunyai laluan dua lorong di kedua-dua hala tidak mempunyai lorong kecemasan.

"Saya juga pernah kehilangan seorang sahabat beberapa tahun lalu yang meninggal dalam perjalanan ke hospital akibat kesesakan lalu lintas.

"Setakat ini belum ada statistik yang merekodkan kematian akibat kesesakan.

"Jika ada statistik bagi kes itu, mungkin kita dilihat tidak mengambil berat dan hanya membiarkannya berlaku sebelum mengambil tindakan," tambahnya.

Sehubungan itu, beliau akan menemui Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique bagi membincangkan perkara itu termasuk memohon peruntukan khas untuk menyelesaikan masalah tersebut. Menurut Mohamad Salleh, kesesakan paling teruk berlaku selepas solat Jumaat dan sekitar pukul 6 petang setiap hari bekerja.

Terdahulu, IJN menandatangani MoU dengan Pusrawi sebagai langkah kerjasama bagi berkongsi kepakaran dan kemudahan perubatan untuk merawat pesakit.

Melalui perjanjian itu, IJN memberikan rawatan penyakit lain yang dihidapi pesakit jantung seperti kencing manis, manakala Pusrawi meningkatkan kemampuannya dalam rawatan kardiovaskular.

Turut hadir Pengerusi Hospital Pusrawi, Datuk Abdul Malek Abd. Aziz; Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Mohd. Radzif Mohd. Tunus; Pengarah Perubatan IJN, Datuk Seri Dr. Robaayah Zambahari; Pengurus Besar Pusrawi, Wan Mahmood Wan Yaacob dan Pengarah Perubatan Pusrawi, Dr. Kamaruddin Ahmad.

Sementara itu, Zulhasnan ketika dihubungi Utusan Malaysia berkata, beliau akan menemui Mohamad Salleh, Isnin ini bagi membincangkan masalah yang dikemukakan oleh Pengerusi IJN itu.

"Saya akan mendapat maklumat lanjut berhubung masalah yang disebut oleh beliau (Mohamad Salleh) pada pertemuan itu nanti.

"Saya juga akan membincangkan cara-cara mengatasi masalah ini," katanya.

Sementara itu, pemandu ambulans Pusrawi, Roslan Harun, 39, yang ditemui mengakui Jalan Tun Razak amat 'parah' untuk dilalui terutama pada waktu bekerja.

"Ada satu kes saya bawa pesakit jantung yang sedang sakit tenat, lambat sampai ke hospital, namun pesakit itu berjaya diselamatkan.

"Ia perkara sedih apabila kita membawa ambulans dengan pesakit kritikal di dalamnya, tetapi tidak akan dapat laluan untuk bergerak dengan cepat," katanya.

Seorang lagi pemandu ambulans, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah di Temerloh, Syariff Husin, 43, berkata, beliau kerap menghantar pesakit jantung ke IJN dan HKL.

"Jalan ini bagi saya amat teruk sekali, susah betul untuk kita mendapat laluan daripada pengguna jalan raya terutama pada waktu petang," katanya.

Pemandu ambulans Hospital Kuala Lumpur (HKL), Shahrim Idrus, 45, pula berkata, segelintir pengguna jalan raya yang melalui jalan itu memberi laluan ketika hon kecemasan dibunyikan namun tidak semua bertindak begitu.

"Ini kerana Jalan Tun Razak amat sempit dan sukar untuk mereka memberi laluan. Kadang-kadang terdapat juga kenderaan yang degil untuk memberi laluan mungkin kerana bunyi radio kereta mereka terlalu kuat sehingga pemandunya tidak mendengar siren dibunyikan," katanya.

Pekerja swasta, Mohd Faizal Alias, 34, turut melalui pengalaman yang sama apabila menghadapi kesukaran untuk menghantar kawannya ke IJN petang ini disebabkan kesesakan yang teruk.

"Saya datang pukul 5 petang, waktu itu warga kota pulang ke rumah masing-masing selepas tamat waktu kerja. Ia menyebabkan saya amat sukar tiba ke HKL kerana kesesakan lalu lintas," katanya.

## **Tajuk Artikel: 5 negeri catat peningkatan kes denggi**

**Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 10 Januari 2007 – Rabu**

KUALA LUMPUR 9 Jan. – Lima negeri mencatatkan peningkatan kes denggi dengan Kelantan merekod peningkatan tertinggi iaitu 77.8 peratus atau 32 kes untuk minggu pertama tahun ini berbanding 18 kes pada minggu ke-52 iaitu minggu terakhir tahun 2006.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Ramlee Rahmat dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini berkata, Selangor pula terus mencatat jumlah teramai iaitu meningkat daripada 471 kes kepada 562 kes.

Tiga negeri lagi ialah Pahang yang meningkat 34.3 peratus daripada 35 kes kepada 47 kes, Negeri Sembilan (daripada 20 kes kepada 26 kes) dan Sabah (daripada 9 kes kepada 12).

Negeri-negeri lain, katanya, mencatat penurunan iaitu Perak menurun daripada 60 kes kepada hanya sembilan kes, Terengganu (menurun daripada 18 kepada 10 kes), Sarawak (daripada 45 kepada 27), Melaka (daripada 22 kepada 16), Pulau Pinang (daripada 100 kepada 82 kes) dan Johor (daripada 54 kepada 48).

Turut mencatat penurunan ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu daripada sembilan kes kepada lapan kes, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menurun kepada 239 kes berbanding 247 minggu sebelumnya.

Dr. Ramlee berkata, secara keseluruhan minggu pertama tahun ini mencatat 1,155 kes disyaki denggi iaitu meningkat lima kes berbanding minggu terakhir tahun 2006.

Daripada jumlah itu, katanya, jumlah yang disahkan positif denggi adalah 250 kes.

Berkenaan langkah yang diambil Kementerian pula, Dr. Ramlee berkata, usaha mencegah telah dipertingkatkan khususnya di Selangor dan Kuala Lumpur yang mempunyai kes denggi yang tinggi serta di Johor yang baru mengalami kejadian banjir.

Kementerian juga, katanya, telah menggerakkan pasukan bantuan anggota kesihatan seramai 60 orang dari Perlis, Kedah, Perak, Terengganu dan Negeri Sembilan untuk membantu operasi kawalan denggi bersepadu bersama pihak berkuasa tempatan di Selangor bermula 5 Januari lalu.

"Pasukan bantuan anggota kesihatan juga telah dihantar ke Johor untuk membantu mencegah kejadian demam denggi selepas banjir," katanya.

– Bernama

### **Tajuk Artikel: E-plat untuk semua jenis kenderaan**

**Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 10 Januari 2007 – Rabu**

PUTRAJAYA 9 Jan. – Kerajaan akan melaksanakan pendaftaran nombor plat pintar atau e-plat bagi semua jenis kenderaan berenjin di negara ini sebelum hujung tahun ini, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy.

Beliau berkata, pada masa ini Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam proses penilaian terakhir terhadap 13 cadangan teknologi daripada beberapa buah syarikat tempatan bagi melaksanakan sistem e-plat itu. Katanya, pelaksanaan kaedah itu dapat mengatasi pemalsuan nombor pendaftaran kenderaan dan juga menyeragamkan pengeluaran plat nombor pendaftaran yang ketika ini terdapat dalam pelbagai rupa dan bentuk.

"Apabila kaedah tersebut dilaksanakan, maka pendaftaran nombor plat bagi semua jenis kenderaan berenjin akan dijadikan sebagai barang kawalan.

"Dengan itu, hanya peniaga yang diberikan lesen dibenarkan mengeluarkan nombor plat berkenaan," kata Kong Choy pada sidang akhbar selepas mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli Persatuan Perikatan Pengusaha Iklan Malaysia di sini hari ini.

Ciri-ciri plat baru itu ialah setiap plat nombor pendaftaran akan mengandungi butir-butir kenderaan yang didaftarkan dan diseragamkan berbanding plat sekarang yang mempunyai pelbagai bentuk dan saiz.

Setiap nombor plat yang dikeluarkan juga akan mempunyai ukuran seragam yang dipersetujui oleh JPJ. Selain itu, e-plat juga akan menggunakan teknologi mikrochip atau Radio Frequency Identification (RFID) yang telah diguna pakai di beberapa buah negara maju seperti Perancis, Australia dan negara-negara Eropah.

### **Tajuk Artikel: BN pilih calon boleh berkhidmat kepada rakyat**

**Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 10 Januari 2007 – Rabu**

PUTRAJAYA 9 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Barisan Nasional (BN) hanya akan memilih calon yang boleh berkhidmat kepada rakyat untuk bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam, Pahang.

Menurut Perdana Menteri, ini kerana kerajaan ingin melihat calon BN tersebut boleh memberikan perkhidmatan yang diperlukan kepada rakyat.

“Kita nak orang yang boleh berkhidmat untuk rakyat,” katanya yang juga Pengerusi BN kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis pecah tanah projek Institut Kanser Negara di sini hari ini.

Beliau mengulas kriteria calon yang akan dipilih bertanding di kerusi DUN Batu Talam berikutan kematian wakil rakyatnya, Datuk Tengku Paris Tengku Razlan pada 27 Disember lalu kerana barah paru-paru dan usus.

Pada pilihan raya umum 2004, Tengku Paris memperoleh 5,414 undi menewaskan calon Pas, Dr.

Mohamed Nilam Abdul Manap yang meraih 2,653 undi. Tengku Paris mendapat kelebihan 2,761 undi.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 16 Januari ini sebagai hari penamaan calon dan pengundian akan berlangsung pada 28 Januari sekiranya terdapat pertandingan.

Mengenai senarai calon, Abdullah berkata, apabila nama-nama tersebut sampai kepadanya, beliau akan berunding dengan Badan Perhubungan UMNO Pahang.

Ditanya mengenai cadangan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Ab. Rashid Ab. Rahman supaya badan itu distruktur semula, Perdana Menteri berkata:

“Biar beliau (Ab. Rashid) memberitahu saya apa yang beliau mahu.”

Ab. Rashid mencadangkan supaya badan itu distruktur semula dan undang-undang serta peraturan pilihan raya di bawahnya yang sudah berusia 50 tahun dirombak secara drastik.

Kajian semua itu bertujuan menjadikan SPR dan proses pilihan raya yang sering dikritik pelbagai pihak, menjadi lebih telus, adil dan saksama kepada semua parti politik dan rakyat negara ini.

### **Tajuk Artikel: Fahami derita kanser**

**Sumber / Tarikh: Harian Metro Online 10 Januari 2007 – Rabu**

**Oleh Manan Samad**

PUTRAJAYA: “Bagi mereka yang dalam keluarga ada ahli pesakit kanser amat memahamilah, sebagaimana saya memahami lima tahun lamanya penderitaan isteri saya, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood,” kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, dengan memahami semua itu, maka respon kerajaan membina Institut Kanser Negara (IKN) di sini, boleh membantu pesakit kanser mendapat rawatan secepat mungkin.

“Bukan sebelum ini tiada doktor untuk merawat pesakit kanser, tapi kita perlu tingkatkan lagi usaha kita, tingkatkan lagi program kita. Ini tanggungjawab kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan.

“Penyakit itu amat digeruni dan ditakuti, ada orang kata kena kanser, saya matilah. Ini penyakit yang boleh bawa maut, tapi tak semestinya begitu jika sekiranya rawatan diberi dengan cepat, insya-Allah boleh sembuh dan ini sudah pun terbukti,” katanya pada majlis pecah tanah di tapak IKN di sini, semalam. Turut hadir Menteri Kesihatan, Datuk Dr Chua Soi Lek dan Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Pembinaan IKN yang berharga RM340 juta itu diluluskan Kabinet pada 2005 mengikut inisiatif pembiayaan swasta (PFI), tapi akan dikawal selia Kementerian Kesihatan dan agensi berkaitan bagi memastikan projek itu dapat disiapkan dalam tempoh dua tahun.

Terletak berhampiran Hospital Putrajaya, institut itu akan menjadi pusat kecemerlangan bagi rawatan dan

penyelidikan berkaitan kanser selain memberi tumpuan kepada aspek pencegahan dan latihan.

Pada sidang medianya, Abdullah mengakui pembinaan IKN memberi pengertian tersendiri dalam hidupnya tapi lebih penting demi kebaikan pesakit kanser di seluruh negara.

"Ya dari satu sudut, tapi bukan eksklusif untuk saya atau perasaan saya. Ini apa yang rakyat mahu, ini untuk keperluan rakyat yang di kalangan mereka ramai pesakit kanser," katanya.

Abdullah turut menyarankan pengamal perubatan tradisional tempatan dan dari China dan India yang mempunyai keupayaan merawat kanser menerusi kaedah perubatan berasaskan herba supaya diberi peluang beroperasi di IKN kelak.

### **Tajuk Artikel: Gempar serbuk putih disangka antraks Sumber / Tarikh: Harian Metro Online 10 Januari 2007 – Rabu**

KUALA LUMPUR: Pihak pengurusan dan kakitangan sebuah hotel lima bintang di Jalan Sultan Ismail di sini, gempar apabila menemui serbuk putih bertaburan di hadapan sebuah bilik hotel yang disyaki sebagai virus antraks.

Dalam kejadian jam 4.25 petang Jumaat lalu, pegawai keselamatan hotel berkenaan segera menghubungi Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi untuk memaklumkan berhubung penemuan serbuk misteri itu.

Susulan itu, tiga anggota polis bergegas ke lokasi kejadian sebelum menemui serbuk terbabit di hadapan bilik hotel bernombor 709.

Sumber polis berkata, polis yang menjalankan siasatan mendapati bilik berkenaan dihuni seorang lelaki warga India.

Difahamkan penghuni terbabit baru mengambil bungkusan mengandungi serbuk putih itu dari kaunter pelanggan di lobi hotel selepas ditinggalkan seorang pengirim lain.

"Bimbang sesuatu buruk berlaku, polis turut mendapatkan bantuan anggota Bomba dan Penyelamat Balai Bomba Hang Tuah.

"Pegawai bomba yang dipanggil bagaimanapun mendapati bukan serbuk antraks berdasarkan pandangan mata kasar," katanya.

Berikutan itu, polis merampas empat bungkusan berisi serbuk putih milik lelaki warga India itu untuk dianalisis kandungan sebenarnya.

Penemuan serbuk yang disangkakan antraks itu adalah kes terbaru selepas kakitangan Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya turut menerima surat yang didakwa mengandungi antraks pada 24 Julai lalu.

Dalam kejadian itu, pejabat Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Emran Kadir dan timbalannya, Abdul Rahim Salleh yang terletak di Aras 5, blok D4 menjadi mangsa pengirim surat antraks itu.

Kejadian disedari selepas seorang kerani di pejabat itu memaklumkan kepada pihak polis selepas

membuka sekeping sampul surat dalam keadaan mencurigakan dan dipercayai mengandungi serbuk berbahaya itu.

Difahamkan ketika membuka sampul surat yang pertama, kerani itu menemui sekeping lagi sampul surat yang diletakkan di dalamnya dan mendapati surat bersaiz kecil itu mengandungi serbuk yang dipercayai antraks.

Akibatnya, semua kakitangan di Aras 5 kemudian dikuarantinkan empat jam bagi membolehkan pihak bomba menjalankan pemeriksaan udara untuk mengenal pasti sama ada udara di tingkat itu tercemar dengan virus berkenaan.

### **Tajuk Artikel: 36 Orang Sah Dijangkiti Chikungunya Di Ipoh Sumber / Tarikh: Bernama Online 10 Januari 2007 – Rabu**

IPOH, 9 Jan (Bernama) -- Penyakit Chikungunya yang melanda Perak sekitar awal tahun lepas, kini kembali lagi, dengan 36 orang sekitar sini disahkan sudah dijangkiti oleh virus penyakit itu sejak Disember lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains Teknologi dan Alam Sekitar Negeri Datuk Tan Chin Meng berkata Jabatan Kesihatan Perak sudah membuat ujian terhadap 47 sampel darah pesakit yang disyaki dijangkiti virus tersebut.

"Hasil ujian mengesahkan bahawa 36 daripada sampel berkenaan adalah positif mengandungi virus tersebut," katanya di sini hari Selasa.

Bagaimanapun menurutnya sehingga ini virus tersebut dapat dikawal menerusi aktiviti-aktiviti pencegahan yang dijalankan.

Tan berkata virus yang dibawa oleh nyamuk yang banyak membiak ketika musim hujan itu dipercayai disebarkan oleh rakyat tempatan yang melawat India, yang membawa virus itu kembali ke tanah air selepas dijangkiti.

"Walaupun tidak membawa maut, tetapi virus ini perlu dikawal daripada merebak kerana ia boleh mengakibatkan mangsanya mengalami demam-deman, sakit kepala yang teruk dan sakit di bahagian sendi-sendii," katanya.

Beliau berkata virus itu mudah merebak dan paling tinggi dikesan di kawasan tapak jualan barang lusuh kerana besi dan keluli yang terdedah di situ menjadi sumber tempat pembiakan nyamuk.

"Hasil siasatan juga mendapati kebanyakan virus ini dibawa oleh penduduk dari kaum India kerana mereka ini paling ramai bekerja di tapak jualan barang lusuh selain sering berulang-alik melawat negara India," katanya.

-- BERNAMA

### **Tajuk Artikel: Abdullah Mahu Pengerusi SPR Maklumkan KEPADANYA Mengenai Cadangan Pembaharuan Sumber / Tarikh: Bernama Online 10 Januari 2007 – Rabu**

PUTRAJAYA, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman boleh memaklumkan kepada beliau mengenai cadangan pembaharuan SPR.

"Biar dia jelaskan apa yang dia mahu," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas melakukan upacara pecah tanah projek Institut Kanser Negara berdekatan Hospital Putrajaya di sini.

Abdul Rashid mencadangkan badan itu distruktur semula dan undang-undang serta peraturan pilihan raya di bawahnya yang berusia 50 tahun dirombak.

Bercakap pada pelancaran Akademi Pilihan Raya di Bangi Isnin, beliau dilaporkan sebagai berkata kajian semula itu bertujuan menjadikan SPR dan proses pilihan raya yang sering dikritik, lebih telus dan adil.

-- BERNAMA

**Tajuk Artikel: Kerajaan Negeri Selangor Ambil Alih Unisel, INPENS**  
**Sumber / Tarikh: Bernama Online 10 Januari 2007 – Rabu**  
**Oleh Leslean Arshad**

SHAH ALAM, 9 Jan (Bernama) -- Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil alih pengurusan Universiti Industri Selangor (Unisel) dan INPENS International College daripada cabang pelaburannya Kumpulan Darul Ehsan Bhd (KDEB).

Berkuatkuasa 2 Jan, Unisel dan INPENS kini terletak di bawah bidang kuasa Menteri Besar Inc, dengan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri merupakan entiti utamanya.

Unisel dan INPENS yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Industri dan Pendidikan Negeri Selangor telah diletakkan di bawah pengurusan KDEB sejak 2003 berikutan arahan daripada Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo kepada KDEB untuk menyusun semula pengurusan institut itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sukan dan Pembangunan Manusia negeri Datuk Ahmad Nawawi M. Zin mengesahkan perkembangan itu tetapi enggan mengulas lanjut.

Seorang pemerhati pendidikan berkata, langkah itu akan membolehkan kerajaan negeri terlibat secara langsung dengan pendidikan, satu daripada perkara yang menjadi keutamaan kerajaan negeri.

Menurut pemerhati itu, institut berkenaan akan dapat diuruskan dengan lebih baik di bawah pengurusan dan penyeliaan kerajaan negeri dan memudahkan pembiayaan.

"Ia akan dikendalikan dengan lebih baik. Masalah juga dapat diselesaikan lebih cepat," katanya.

Menurut sumber, INPENS sedang mencari tapak baru kerana lokasi sekarang di Bandar Armada Putra di Pulau Indah, Pelabuhan Klang akan disewakan kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk program matrikulasi universiti itu.

INPENS kini menyewa bangunan daripada Kumpulan Hartanah Selangor Bhd, anak syarikat KDEB.

Sebelum dipindahkan ke Pulau Indah pada 2004, INPENS terletak di Seksyen 7 di sini.

Dipercayai majoriti penuntut INPENS memilih untuk kembali semula ke kampus di Seksyen 7 di sini, kerana

berpendapat lokasinya lebih strategik bagi institusi pengajian tinggi.

Pemerhati pendidikan itu berkata sekiranya INPENS kembali beroperasi di sini, kemungkinan kolej itu dapat meningkatkan jumlah penuntut yang kini merosot.

Pengambilan bagi pengajian peringkat diploma INPENS dikatakan merosot kepada hanya 600 sekarang berbanding 1,600 sebelum ini.

-- BERNAMA

## **Tajuk Artikel: Perdana Menteri Sempurnakan Majlis Pecah Tanah Institut Kanser Negara** **Sumber / Tarikh: Bernama Online 10 Januari 2007 – Rabu**



**PECAH TANAH...** Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memandu jengkaut pada upacara Pecah Tanah Institut Kanser Negara di Presint 7 sambil diiringi Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Chua Soi Lek (kiri). *Foto: Mazlan Samion*

PUTRAJAYA, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini membuktikan komitmen kerajaan menangani barah dengan melakukan upacara pecah tanah bagi pembinaan Institut Kanser Negara berharga RM340 juta di sini yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

Perdana Menteri, yang kehilangan isterinya Datin Seri Endon Mahmood akibat kanser payu dara pada 2004, berkata bahawa apabila disebut saja nama penyakit itu, ia akan membuatkan orang ramai takut tetapi jika rawatan yang diberikan bersesuaian dan pada peringkat yang sepatutnya, pesakit berpeluang untuk sembuh.

"Yang penting ialah kita perlu memberi sokongan dan faham masalah pesakit kanser," katanya pada majlis pecah tanah itu.

Pada sidang akhbar kemudiannya, Abdullah berkata daripada satu segi, institut berkenaan amat bermakna kepada beliau tetapi perasaan

beliau tidaklah penting memandangkan institut itu dibina bagi menyediakan rawatan berkualiti tinggi kepada rakyat.

Pada 2005, jemaah menteri meluluskan pembinaan institut itu yang akan mempunyai 252 katil. Ia dibina berdasarkan inisiatif pembiayaan swasta.

Terletak berhampiran Hospital Putrajaya, institut itu akan menjadi pusat kecemerlangan bagi rawatan dan penyelidikan berkaitan kanser selain memberi tumpuan kepada aspek pencegahan dan latihan.

Antara perkhidmatan yang bakal disediakan ialah onkologi dan radioterapi, perubatan nuklear, pembedahan onkologi, rawatan paliatif dan khidmat rawatan harian yang komprehensif.

Dianggarkan 40,000 kes kanser dikesan setiap tahun, dan penyakit itu mengakibatkan 9.54 peratus daripada semua kematian di hospital kerajaan pada 2004 berbanding 7.37 peratus pada 1975.

Selain rawatan moden, institut itu juga menawarkan rawatan tradisional dengan kerjasama sebuah hospital latihan di bawah Universiti Beijing.

Perdana Menteri berkata walaupun ia merupakan projek pembiayaan swasta, urusan kawal selia perlu dilakukan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi berkaitan yang lain bagi menentukan ia disiapkan mengikut jadual.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Chua Soi Lek pula berkata Abdullah bersetuju supaya khidmat pakar kanser dari luar negara digunakan kerana Malaysia menghadapi kekurangan doktor seperti dalam bidang onkologi.

Katanya kerajaan sedang mengambil langkah menambah bilangan ahli onkologi daripada 37 orang sekarang bagi memenuhi nisbah Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu 1: 250,000 berbanding 1: 750,000 di negara ini.

Chua berkata 80 peratus daripada kes kanser di negara ini dikesan apabila pesakit sudah berada di peringkat terakhir penyakit itu, dan ini menyukarkan usaha rawatan.

-- BERNAMA